



PARA peserta 'Pink Ribbon Walk' merakamkan gambar kenangan.

# 130 Kakitangan UMS Jayakan Program 'Pink Ribbon Walk' 2017

NST 4.11.2017 4

KOTA KINABALU: 130 kakitangan dari pelbagai jabatan di Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah menjayakan program 'Pink Ribbon Walk 2017' baru-baru ini.

Program anjuran Jabatan Perpustakaan, UMS itu bermula di Foyer Perpustakaan seterusnya di sekitar kawasan jabatan Hal Ehwal Pelajar, Dewan Canselor dan kembali ke Perpustakaan UMS.

Pelepasan acara tepat jam 8.00 pagi itu disempurnakan oleh Pesyarah Kanan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, UMS, Dr. Aza Sherin Mohamad Yusuff merangkap Timbalan Yang Dipertua KESUMBA UMS.

Menurut kenyataan jabatan Perpustakaan, 'Pink Ribbon Walk' dianjurkan bertujuan untuk

mengadakan kempen kesedaran kepada warga UMS dan komuniti sekitarnya terhadap penyakit kanser, tanda dan gejala serta rawatan yang boleh diberikan semasa membuat saringan awal kanser, di samping mengubah tingkah laku serta memperkasa komuniti ke arah amalan saringan awal penyakit kanser dan pencegahan kanser melalui amalan gaya hidup sihat.

Program berakhir dengan penyampaian hadiah kepada peserta yang terpilih dinobatkan 'Peserta Terbaik Pink Ribbon Walk 2017' iaitu Ketua Pembantu Perpustakaan, Jabatan Perpustakaan, Rogaya binti Ahmad.

Hadiah disampaikan oleh Ketua Pustakawan UMS, Puan Dg. Rukiah Ag. Amit.